



**TEKS UCAPAN**

**YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN**

**KETUA PENGARAH**

**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN SEMINAR R&D**

**NUKLEAR MALAYSIA 2022**

**4 OKTOBER 2022**

**DEWAN TUN DR. ISMAIL**

**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirahim

**YANG BERUSAHA DR. KAMARUDDIN BIN SAMUDING**  
menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarah (Program  
Penyelidikan Dan Pembangunan Teknologi)

**YANG BERUSAHA DR. ISHAK BIN MANSOR**  
menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarah (Program  
Perkhidmatan Teknikal)

**YANG BERUSAHA DR. SHUKRI BIN MOHD.**  
menanggung tugas Pengarah Kanan Program Pengkomersilan  
dan Perancangan Teknologi

**YANG BERUSAHA DR. RASIF BIN MOHD. ZAIN**  
Pengurus RMC merangkap Pengerusi Seminar R&D 2022

**YANG BERUSAHA DR. MOHD. RODZI BIN ALI**  
Pengarah BTP merangkap Pengerusi Bersama Seminar R&D  
2022

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan para peserta Seminar R&D Nuklear

Malaysia 2022 sekalian.

## **[PENDAHULUAN]**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ke **Majlis Perasmian Seminar R&D Nuklear Malaysia 2022.**
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas di atas usaha jawatankuasa penganjur Seminar R&D pada tahun ini iaitu Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bahagian Teknologi Perubatan (BTP) kerana berjaya meneruskan salah satu aktiviti utama yang diadakan di Nuklear Malaysia setiap dua tahun.
3. Istimewanya Seminar R&D untuk tahun ini jatuh pada sambutan 50 Tahun Nuklear Malaysia. Oleh itu amat bertepatan sekali dengan tema untuk tahun ini iaitu ***'50 years and beyond: Paving the Future with Nuclear Technology'***.

4. Seminar R&D 2022 ini merupakan suatu saluran perkongsian ilmu di kalangan para penyelidik Nuklear Malaysia mengetengahkan hasil dan dapatan kajian masing-masing bagi mengukuhkan aktiviti R&D di Nuklear Malaysia khususnya dan di peringkat negara amnya. Saya amat bangga dengan usaha ini dan berharap ianya akan diteruskan lagi di masa-masa yang akan datang.

#### **[PENGUKUHAN R&D DALAM BIDANG STI]**

5. Di Malaysia, MOSTI memainkan peranan utama dalam mengukuhkan R&D dalam bidang STI seperti bioteknologi, nanoteknologi, nuklear, ICT, keselamatan siber dan termasuk juga R&D dalam bidang tenaga, air dan alam sekitar. MOSTI juga melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan bakat fan mengukuhkan kepakaran dalam bidang STI. Langkah ini bertujuan untuk menyokong agenda R&D dan keperluan modal insan negara di samping menggerakkan pembangunan industri berteraskan inovasi.

6. Saya dimaklumkan sebanyak 122 kertas kerja penyelidikan akan dibentangkan dalam seminar ini yang melibatkan 67 penyertaan pembentangan oral dan 55 pembentangan poster. Kertas penyelidikan yang dibentangkan ini merangkumi enam bidang utama negara iaitu *ICT, Biotechnology, Nanotechnology, Advanced Materials, Advanced Manufacturing* dan *Alternative Energy* termasuk bidang tumpuan yang dapat menyumbang ke arah pembangunan sosio-ekonomi negara iaitu *Agriculture, Medical, Environment, Nuclear Application, Nuclear Instrumentation, Safety and Security*.
  
7. Melalui perkongsian seperti ini, saya berharap agar peserta-peserta akan mendapat maklumat secara langsung di samping bertukar-tukar fikiran dan seterusnya dapat mengenal dan menilai keupayaan aktiviti R&D yang dijalankan oleh pelbagai bahagian.

## **[KUALITI DAN HASIL R&D BERIMPAK TINGGI]**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

8. Saya berharap agar aktiviti-aktiviti R&D Nuklear Malaysia dijalankan secara strategik untuk memastikan kualiti dan hasil penyelidikan dapat memberi impak nilai tinggi kepada negara amnya dan rakyat khususnya yang mana ianya boleh digunakan untuk mengatasi masalah kritikal negara dan antarabangsa. Saya menyeru agar para penyelidik Nuklear Malaysia seharusnya memastikan produk hasil R&D yang telah dijalankan dapat dikomersialkan dan digunakan oleh rakyat.
  
9. Saya juga berharap agar semua yang terlibat sentiasa mengekalkan momentum dalam memberi tumpuan kepada penyelidikan bidang keutamaan STI yang merupakan satu sokongan terhadap aktiviti pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) negara yang sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi agar terus kekal relevan serta mengeratkan jalinan kolaborasi dengan institut

penyelidikan, universiti, agensi kerajaan serta industri dalam dan luar negara bagi memastikan sumber seperti pakar dan infrastruktur boleh dikongsi. Ini sekali gus dapat menangani pelbagai cabaran secara bersama antaranya seperti isu sekuriti makanan, perubahan iklim, pelepasan karbon sifar bersih, isu alam sekitar, dan lain-lain lagi.

10. Sebagai contoh, baru-baru ini YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri MOSTI dalam kenyataannya ketika menghadiri Mesyuarat Dua Hala Bersama Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), Tuan Yang Terutama, Mr. Rafael Mariano Grossi pada 27 September 2022 di Vienna telah menyebut bahawa Malaysia berbangga dan berterima kasih atas kolaborasi bersama IAEA yang telah memainkan peranan efektif bagi menggalakkan penggunaan teknologi nuklear secara aman, selamat dan terjamin.

11. Dalam hal ini, Agensi Nuklear Malaysia sentiasa bersedia untuk bekerjasama dan menawarkan bantuan dalam pembangunan kapasiti sumber manusia kepada negara anggota lain serta komited untuk melaksanakan tanggungjawab sepenuhnya di bawah Perjanjian Kawal Gunaan Komprehensif dengan IAEA, selain mengalukan pemeriksaan kawalgunaan di kemudahan reaktor penyelidikan negara - PUSPATI TRIGA MARK II.

**[JURNAL SAINS NUKLEAR MALAYSIA (JSNM)]**

12. Bersempena dengan sambutan Jubli Emas 50 Tahun Nuklear Malaysia, saya ingin mengumumkan bahawa penerbitan Jurnal Sains Nuklear Malaysia (JSNM) telah diberi penjenamaan semula yang bukan sekadar dari segi pemantapan imej, malahan turut melibatkan pertukaran platform digital sepenuhnya.

13. Penjenamaan ini juga adalah salah satu usaha dan proses untuk mendapatkan penarafan tertinggi dan menjadikan



JSNM sebagai salah sebuah jurnal berimpak tinggi dan menjadi antara rujukan utama para penyelidik dalam dan luar negara. Dimaklumkan juga, dalam usaha untuk menyebarkan lagi hasil penyelidikan Nuklear Malaysia, sebanyak lima (5) kertas kerja terbaik Seminar ini akan dipilih untuk diterbitkan dalam JSNM pada keluaran akan datang.

**[MALAYSIA MERANGKUL DUA ANUGERAH  
PENCAPAIAN DALAM SAINS DAN TEKNOLOGI  
NUKLEAR DI VIENNA, AUSTRIA]**

14. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Nuklear Malaysia dalam kejayaan kita menerima dua (2) anugerah sempena ulang tahun ke-50 Perjanjian Kerjasama Serantau (RCA) dalam bidang sains dan teknologi nuklear di Vienna pada 26 September 2022 yang lepas iaitu **Anugerah Kerjasama Serantau RCA bagi kategori institusi** dan **Anugerah Projek RCA bagi kategori individu** iaitu Dr. Ilham Mukhriz bin Zainal Abidin. Anugerah ini merupakan julung kali diadakan bagi memberi

pengiktirafan dan penghargaan kepada semua negara anggota, organisasi dan individu atas penyertaan aktif, pencapaian serta komitmen yang kukuh dalam semua Program RCA.

15. Saya percaya, Nuklear Malaysia akan dapat terus tampil menjulang nama dengan hasil penyelidikan dalam jangka masa pendek dan panjang bagi merancakkan perkembangan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

### **[PENUTUP]**

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

16. Sekali lagi sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan terutamanya kepada penyelidik-penyelidik dan pihak pengurusan Nuklear Malaysia di atas komitmen bagi merealisasikan objektif utama agensi dalam melaksanakan penyelidikan.

17. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para pembentang kertas kerja dan peserta seminar ini kerana bersedia untuk berkongsi pengetahuan, amalan terbaik dan pengalaman bersama.
  
18. Akhir kata, saya berharap Seminar R&D 2022 yang diadakan secara dwi-tahunan ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang dan dipertingkatkan lagi kualitinya bagi menjayakan matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara.
  
19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Seminar R&D Nuklear Malaysia 2022.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.